

Kita sedia siasat surat 'antraks'

UM 16 OCT 2001

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Malaysia akan memulakan siasatan sebaik sahaja menerima maklumat mengenai dakwaan kononnya sepucuk surat yang dikirim dari negara ini ke Pejabat Microsoft di Nevada, Amerika Syarikat dikatakan mengandungi bakteria pembunuh antraks.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun sehingga kini kerajaan tidak mempunyai maklumat berhubung dakwaan itu.

"Mereka (pihak yang membuat dakwaan itu) tidak memberi maklumat yang mereka peroleh. Sebaik sahaja kita mendapat maklumat itu, kita akan menyiasat," katanya kepada pemberita selepas diwawancara dalam *Rancangan Khas Bersama Perdana Menteri bertajuk Keganasan: Kesannya Terhadap Ekonomi, Politik dan Keselamatan Negara* di Angkasapuri di sini hari ini.

Menjawab soalan sama ada siasatan awal telah dibuat oleh kerajaan terhadap penyebaran kuman itu, Dr. Mahathir berkata: "Saya tak tahu mengenainya pada masa ini tetapi jika ada, saya akan beritahu anda (pemberita)".

Beliau mengulas kejadian jangkitan antraks yang menghantui rakyat

Amerika Syarikat setelah lima kes jangkitan kuman tersebut yang membunuh seorang mangsa di Florida, dikesan disebarkan melalui surat termasuk sepucuk surat dari Malaysia yang mengandungi kuman tersebut.

Ujian pertama dan kedua ke atas surat dari Malaysia itu, Sabtu lalu tidak menunjukkan tanda wujudnya bakteria itu.

Bagaimanapun, Gabenor Nevada, Kenny Guinn semalam mengesahkan kewujudan bakteria itu menerusi ujian ketiga ke atas kandungan surat tersebut tetapi ia menunjukkan risiko terhadap kesihatan awam 'sangat rendah'.

Ujian ketiga ke atas isi surat itu dibuat setelah pihak berkuasa Amerika Syarikat tidak berpuas hati dengan keputusan negatif dalam ujian sebelumnya.

Setakat ini, semua kuman Antraks dikesan di stesen televisyen *NBC-TV Nightly News*, pejabat akhbar *Sun* (Florida), *The New York Times*, Syarikat Microsoft dan terkini di syarikat perfileman, Sony Pictures.

Di luar Amerika Syarikat, ia dikesan di Kazakhstan iaitu wilayah yang membenarkan Amerika Syarikat melancarkan serangan ke atas Afghanistan.